

BOLTON

Date : 20 April 2010
Publication : Utusan Malaysia
Title : Ambil alih Prima Nova Harta selesai

Ambil alih Prima Nova Harta selesai

KUALA LUMPUR 19 April – Bolton Bhd. hari ini mengumumkan yang menerusi anak syarikat milik penuhnya Majestic Focus Sdn. Bhd., ia telah menyelesaikan pengambilalihan baki 500,000 saham biasa, RM1 setiap satu dalam Prima Nova Harta Development Sdn. Bhd. dengan nilai RM28.04 juta.

Pengambilalihan itu akan membolehkan Bolton menerusi Majestic Focus, mempunyai penguasaan sepenuhnya Prima Nova dan mengukuhkan 100 peratus keputusan masa depan Prima Nova, kata kumpulan itu kepada Bursa Malaysia.

Ini adalah seiring dengan fokus kumpulan terhadap perniagaan terasnya iaitu pembangunan hartanah dan sekali gus meningkatkan pendapatan pembangunan masa depan kumpulan, katanya.